



SIARAN MEDIA

PERANTIS 2025: PERSIDANGAN KEPIMPINAN WANITA DALAM EKONOMI JINGGA (WIOE)

KUCHING, 26 Januari - Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini telah merasmikan Persidangan Kepimpinan Wanita Dalam Ekonomi Jingga (WIOE) di bawah program PERANTIS 2025, dalam satu majlis yang berlangsung di Kuching.

Persidangan telah dianjurkan oleh Puan Sharnaz Saberi, salah seorang tokoh PERANTIS daripada Sarawak di mana ekonomi jingga merupakan sektor ekonomi yang memanfaatkan kreativiti seperti industri seni, budaya, media dan teknologi. Persidangan ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam ekonomi jingga, menyediakan platform untuk pemimpin wanita berhubung, berkongsi pengalaman, dan berkolaborasi, selain menonjolkan pencapaian wanita dalam industri kreatif. Menerusi program ini, peserta PERANTIS yang terlibat akan dibimbing oleh Puan Sharnaz Saberi yang merupakan Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Prodigy Music Centre & Prodigy Orchestra.

Antara intipati Persidangan WIOE yang diadakan di Pustaka Negeri Sarawak adalah sesi perkongsian tentang bidang sumber manusia, fesyen, muzik, harta intelek dan inovasi, kepimpinan dan keusahawanan meliputi ucaptama, forum dan pementoran daripada tokoh-tokoh ternama

seperti Datuk Zunaidah Idris, Datu Dr. Rashidah Bolhassan, Prof. Philip Nuli Anding, Prof. Dr. Abu Hassan Md Isa, Dr. Anna Sue, Dr. Soo Wincci, Puan Zaharah Malim, Dodi Mohammad, Sharon Paul dan ramai lagi. WIOE turut dimeriahkan lagi dengan reruai pameran serta persembahan artistik.

PERANTIS telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac 2024 bagi menyemarakkan lagi penglibatan wanita dalam kepimpinan dengan inisiatif kewangan sebanyak RM5 juta bagi memperkasa kepimpinan wanita melalui bimbingan tokoh wanita berjaya.

Menyambut baik pengumuman tersebut, KPWKM telah memperkenalkan Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS). Melalui program ini, tokoh wanita atau wanita yang telah berjaya akan diberikan geran peruntukan untuk menjalankan program pembangunan kepimpinan wanita dalam pelbagai bidang. Objektif utama PERANTIS adalah untuk melahirkan lebih ramai kumpulan bakat pemimpin wanita terutamanya di peringkat pembuat keputusan, mewujudkan platform perkongsian ilmu dan kepakaran dalam pelbagai bidang serta mengukuhkan jaringan kerjasama dalam kalangan pemimpin wanita.

Bagi pelaksanaan PERANTIS untuk tahun 2024, sebanyak 25 permohonan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan PERANTIS, dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.2 juta yang melibatkan seramai 1,247 orang peserta program. Para pemohon telah disaring oleh 14 orang panel yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang sebelum diperakukan sebagai PERANTIS. Untuk rekod, kesemua 25 program telah dilaksanakan dan dijangkakan pelaporan pelaksanaan PERANTIS 2024 akan diperoleh pada bulan Mac 2025 nanti.

Menerusi inisiatif Belanjawan 2025, KPWKM telah menerima peruntukan sebanyak RM5 juta bagi pelaksanaan PERANTIS 2025. Berdasarkan jumlah tersebut, seramai 5,000 orang peserta dijangka akan menerima manfaat dan akan dibimbing oleh 100 orang tokoh wanita PERANTIS.

Turut hadir Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Puan Hanani Sapit serta pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi KPWKM.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
26 JANUARI 2025**